

SSB: Mahathir arah kaji usul Cuepacs

Oleh Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengkaji memorandum Cuepacs berhubung cadangan memansuhkan Sistem Saraan Baru (SSB).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata Perdana Menteri sudah melihat memorandum berkenaan dan mengarahkan JPA memberi pandangan berhubung cadangan itu.

"Saya sendiri sudah melihat memorandum berkenaan. Bagaimanapun, sebarang komen perlu menunggu hasil kajian JPA," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Institut Kefahaman Islam (Ikim) di sini, hari ini.

Ahad lalu, Presiden Cuepacs, Mohamad Mat Jid, berkata kesatuan itu sudah menghantar memorandum lapan perkara mengenai masa depan lebih 850,000 ahlinya di seluruh negara kepada Dr Mahathir.

Memorandum itu turut merangkumi cadangan memansuhkan SSB. Ia dihantar kepada Perdana Menteri menerusi pos selepas mendapat persetujuan semua ahli Cuepacs dalam mesyuarat khasnya minggu lalu.

Antara kandungan memorandum itu ialah:

- Merombak penilaian prestasi tahunan supaya ia tidak dikaitkan dengan gaji;

- Menggabungkan tiga tahap gaji iaitu P1, P2 dan P3 kepada hanya P3 saja;

- Peningkatan gaji melintang sebanyak RM70 bagi semua kakitangan kerajaan termasuk dua kenaikan gaji tahunan automatik; dan

- Kenaikan gaji minimum sebanyak RM30.

Selain itu, kajian Cuepacs ke atas 150,000 kakitangan kerajaan mendapati hampir 90 peratus yang terbabit dalam kaji selidik berkenaan tidak berpuas hati dengan SSB.

Kajian selama dua bulan itu menunjukkan lima peratus responden berbehal-bahagi dan hanya lima peratus yang berpuas hati dengan SSB.

Berita Harian sendiri pada awal Jun lalu menjalankan kajian menyeluruh mengenai pandangan kakitangan kerajaan terhadap SSB.

Kajian membabitkan 390 kakitangan awam di seluruh negara itu mendapati sebahagian besar mereka mengesyorkan pelaksanaan SSB, terutama membabitkan sistem penilaian dan kuota kenaikan gaji lima peratus diperbaiki untuk menjamin keadilan kepada semua pihak.

Antara penemuan mengejutkan dalam kajian itu ialah hampir 53.6 peratus responden di Lembah Klang, Johor Bahru, Kuantan, Ipoh dan Pulau Pinang berpendapat SSB tidak wajar dijadikan pengukur prestasi kerja.

Daripada jumlah itu, 68.5 peratus kakitangan kerajaan tidak bersetuju dengan sistem kuota lima peratus.